

# 'Bukan nepotisme, ahli sendiri pilih Nurul Izzah'

BERITA HARIAN 25 MAY 2025 m/s: 2

**Johor Bahru:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menolak dakwaan nepotisme berikutan kemenangan Nurul Izzah ke jawatan Timbalan Presiden PKR dalam pemilihan parti itu kelmarin.

Menegaskan kemenangan Nurul Izzah adalah pilihan perwakilan sendiri, Anwar berkata, isu berkenaan tidak pernah ditimbulkan ketika beliau berada dalam penjara dan PKR dikemudi isterinya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebelum ini.

"Bagi pihak (Dr Wan) Azizah yang pegang benteng (pimpinan PKR) ini agak lama, saya ucapkan terima kasih.

"(Sekarang) orang bangkitkan, isu isteri, anak (tetapi ti-

dak) waktu kita bertempur dulu. Ketika itu PKR tiada kongres, tiada perbincangan panjang.

"Siapa hendak pegang obor (mentadbir parti) pada waktu itu, saya lepaskan begitu sahaja kerana saya masuk penjara.

"Waktu itu tiada dana parti, tiada jentera parti. Waktu itu tidak timbul (isu) keluarga dan nepotisme," katanya pada ucapan penggulungan Kongres Nasional PKR di sini semalam.

Pada Pemilihan kelmarin, Nurul Izzah memperolehi 9,083 undi perwakilan.

Anwar yang juga Perdana Menteri berkata, dalam situasi getir ketika itu, Dr Wan Azizah memikul tanggungjawab memimpin parti, manakala Nurul

Izzah pula terpaksa meninggalkan pengajian universiti untuk membantu perjuangan secara aktif.

"Saya hendak singgung perkara itu supaya ahli lihat dan tanya kepada yang lama-lama (ahli PKR), waktu itu apa pilihan kita?

"Siapa yang pegang obor? Ketika itu Azizah pegang dan Izzah pula dalam keadaan terpaksa tinggalkan universiti dan menggeledah ke sana-sini sebagai seorang dewasa.

"Ya, Azizah saya pilih pada masa itu. Saya terpaksa buat keputusan segera ketika itu, namun Nurul Izzah (menang jawatan Timbalan Presiden PKR) semalam, saudara-saudari yang

pilih," katanya yang menolak dakwaan menyatakan PKR kini berubah menjadi parti nepotisme.

Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun turut menyeru supaya perjuangan parti diteruskan setiap ahli kerana kejayaan PKR bergantung kepada komitmen mereka.

"Saya nak ingatkan semua untuk teruskan bekerja kerana tiada jaminan masa depan seseorang selain kerja dan amal. Saya di sini, sementara ada kudrat dan kesihatan yang mengizinkan," katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkata, Biro Politik PKR akan mengadakan mesyuarat khas pada 29 Mei ini bagi membincangkan

persediaan bagi menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah.

Katanya, mesyuarat khas itu, akan menumpukan kepada program pilihan raya berkenaan.

"Mungkin dalam beberapa hari ini, sebelum ramai yang akan ke Makkah dan ada pemimpin kita ke sana, (saya) turut mendoakan mudah-mudahan (mereka) mendapat haji yang mabrur.

"Tapi, sementara sebelum dia pergi, sebaik sahaja selesai ASEAN, Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC)-China, mungkin 29 hari bulan ini kita akan adakan mesyuarat biro politik untuk rangka program PRN Sabah," katanya.